

17 MAR 2000

Mahathir-Bank

PENGURUSAN BANK MESTI BERTANGGUNGJAWAB, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 17 Mac (Bernama) -- Pengurusan bank "sedikit sebanyak" perlu bertanggungjawab terhadap tindakan pekerja mereka membocorkan urusan pelanggan dan kerajaan di bank kepada umum, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata pengurusan bank mesti menjaga prestasi dan imej mereka agar kredibiliti mereka boleh terus dipercayai.

Kakitangan bank pula perlu memahami undang-undang, amalan dan moral perbankan, katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim sebelum berlepas ke ibu negara setelah berada di Kedah selama tiga hari.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Kesatuan Sekerja Bank-bank Kebangsaan (NUBE) yang meminta kerajaan Melaka mengkaji semula cadangan untuk mengeluarkan simpanan tetap kerajaan negeri itu daripada dua bank.

Kerajaan Melaka bertindak demikian kerana terdapat kakitangan di bank-bank itu yang membocorkan urusan kerajaan di bank-bank itu kepada umum.

"Sekiranya kakitangan bank tidak memahami perkara-perkara tersebut, mereka tidak layak bekerja di bank dan bank tidak boleh dipercayai," katanya.

Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Ali Rustam hari ini dilaporkan berkata Bank Islam dan Bank Bumiputra Commerce, dikenal pasti mempunyai kakitangan yang mendedahkan urusan kerajaan di bank-bank itu kepada umum.

Ketika diminta mengulas, Dr Mahathir berkata: "Bank merupakan satu institusi yang perlu merahsiakan segala urusan pelanggan dengannya. Jika tidak, pelanggan tidak akan mengadakan hubungan dengannya dan perniagaan bank akan terjejas."

Perdana Menteri berkata undang-undang melarang bank mendedahkan urusan pelanggan tanpa kebenaran pelanggan.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata: "Kalau kakitangan bank terlalu ghairah nak tunjukkan tentang kerajaan secara terbuka, kerajaan tidak boleh percaya pada mereka lagi. Takkan kita nak percaya pada orang yang kata...kami tidak ada kesetiaan pada kerajaan."

Ditanya sama ada Bank Negara akan mengambil tindakan terhadap kedua-dua bank itu, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada bank pusat itu.

"Kerajaan hanya berminat dengan soal urusannya dengan bank. Adalah menjadi hak pelanggan untuk memilih berurusan dengan mana-mana bank," katanya.

Semalam, Dr Mahathir berkata kerajaan pusat mungkin mengambil tindakan yang sama seperti kerajaan Melaka.

Ketika diminta mengulas lanjut ucapannya tengah hari tadi di majlis kenduri korban di Masjid Paya Sena, Pendang, mengenai ketaksuban masyarakat Islam terhadap satu-satu kumpulan, Perdana Menteri berharap ulama akan menerangkan mengenai maksud korban yang sebenarnya.

"Korban bukan sekadar sembelih lembu dan agih-agihkan dagingnya tetapi masyarakat mesti sanggup berkorban melepaskan sesuatu yang mereka sayangi demi kebaikan di masa akan datang," katanya.

Masyarakat negara ini akan menjadi lebih aman, tenteram dan bersatu-padu sekiranya mereka dapat mengorbankan ketaksuban mereka kepada satu-satu kumpulan.

Ditanya sama ada beliau maksudkan kumpulan itu sebagai PAS, Dr Mahathir berkata: "Siapa makan cabai dialah yang rasa pedas."

-- BERNAMA

JM MAI